

Rakyat mampu nilai fitnah Ku Li: PM

Oleh Manja Ismail, Lichong Angkui dan Izman Ismail

KUALA LUMPUR, Rabu - Kerajaan menyerahkan kepada kebijaksanaan rakyat untuk menilai tindakan Presiden Semangat 46, Tengku Razaleigh Hamzah yang menyebarkan fitnah di luar negara, kononnya hubungan di antara Perdana Menteri dan timbalannya mempunyai masalah, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri percaya rakyat negara ini sudah cukup matang untuk menilai sama ada dakwaan bekas Menteri Kewangan itu berasas atau tidak, termasuk kononnya kerajaan menyalahgunakan kuasa dalam mentadbir kewangan negara.

Bagaimanapun, kata Perdana Menteri, kerajaan tidak bercadang mengambil tindakan terhadap Tengku Razaleigh Hamzah. Rakyat negara ini, katanya sudah cukup matang untuk menilai kebenaran fitnah seum-

pama itu.

"Televisyen Australia memberi gambaran kononnya wujud politik wang dan kita semua (kerajaan) jahat belaka. Bagaimanapun, saya baca (akhbar) pagi ini bahawa seorang menteri di Britain bekerja sambil sebagai tukang gigi. Di Perancis dan Itali pun wujud penyelewengan. Kita tidak seteruk itu," katanya.

Dr Mahathir menjawab soalan pemberita di rumah terbuka Deepavali Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Seri S Samy Vellu di Sekolah Tinggi Chung Hwa, Jalan Ipoh, di sini hari ini.

Isnin lalu, Perdana Menteri dilaporkan berkata bahawa Tengku Razaleigh terbabit dalam kegiatan memburukkan kerajaan di luar negara terutama di Australia.

Perdana Menteri berkata, soal sama ada fitnah Tengku Razaleigh itu

menjejaskan peluang Barisan Nasional (BN) dalam pilihan raya umum akan datang, tidak begitu penting.

"Terpulang kepada rakyat sama ada mempercayai dakwah pembangkang yang disebarkan tanpa asas itu," katanya.

Mengenai aliran Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) agak rendah sekarang walaupun Belanjawan Negara 1995 menjanjikan pertumbuhan ekonomi yang lebih memberangsangkan, Dr Mahathir berkata: "Utu saya tak tahu kerana saya tak faham sangat mengenai pasaran saham."

Sebelum itu, Datuk Seri Anwar Ibrahim ketika ditemui pemberita di majlis yang sama, menyifatkan perbuatan Tengku Razaleigh itu sebagai tindakan orang yang kecewa dan kehabisan modal.

"Sebab itu saya kata dia (Tengku Razaleigh) ialah kembiri yang kecewa. Dia

gunakan masalah sampingan, umpamanya memburukkan dan mempertikaikan kenyataan serta menghebohkan soal hubungan saya dengan Perdana Menteri. Fakta lain tidak ada.

"Kerana kecewa dan kehabisan modal, dia cari jalan untuk memburukkan kerajaan di luar (negara). Dia cukup tidak tahan mendengar era orang lain lebih baik daripada masa dia (jadi menteri). Dia hebat kononnya, sebab itu dia gunakan isu sampingan, misalnya keburukan dalam projek penswastaan," katanya.

Anwar bagaimanapun yakin rakyat tidak terma-kan dengan hasutan Tengku Razaleigh itu kerana jika apa yang bekas Menteri Kewangan itu nyatakan betul, sudah tentu dia berani berdepan dengan rakyat dan tidak perlu ke luar negara.

"Saya tidak fikir rakyat

akan terpengaruh dengan kenyataan orang yang kecewa," tegas Anwar.

Timbalan Perdana Menteri berkata jika Tengku Razaleigh berani, beliau (Razaleigh) perlu menghadapi kerajaan di Parlimen. "Kita boleh berdepan dengan dia, tetapi dia lari," katanya.

Anwar yang juga Menteri Kewangan bagaimanapun percaya pembongkaran yang dibuat oleh Tengku Razaleigh itu tidak dapat memperdayai rakyat.

"Saya tidak fikir banyak yang terpengaruh. Takkan nak dengar orang yang kecewa macam itu. Kenyataannya ada di depan kita.

"Siapa yang boleh pertikaikan kedudukan ekonomi yang baik, siapa boleh pertikaikan faedah daripada belanjawan untuk golongan berpendapatan rendah," katanya.